

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PECAH TANAH TAMAN PENDIDIKAN ABDULLAH FAHIM
DI BERTAM, PULAU PINANG
8 OKTOBER 2000

Alhamdulillah, saya melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, kita dihimpunkan pada pagi ini untuk menyaksikan Majlis Pecah Tanah, Taman Pendidikan Abdullah Fahim, yang akan dimaju dan dibangunkan oleh Malaysian Resources Sendirian Berhad (MRCB) melalui Syarikat Cahaya Mutiara Sendirian Berhad, sebuah syarikat usahasama di antara MRCB dengan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang.

2. Saya berterima kasih kepada MRCB dan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang kerana memberikan penghormatan kepada saya untuk menyempurnakan upacara pecah tanah pada pagi ini. Majlis ini amatlah istimewa kepada saya, dari segi peribadi dan atas kedudukan saya sebagai ahli parlimen kawasan Kepala Batas. Ini kerana MRCB telah memberikan satu penghormatan yang tinggi kepada nenda saya Allahyarham Syeikh Abdullah Fahim, dengan menamakan taman pendidikan ini sebagai Taman Pendidikan Abdullah Fahim.

3. Penghormatan tersebut merupakan satu pengiktirafan besar yang telah diberikan kepada nenda saya. Bagi pihak keluarga, saya merakamkan ucapan setinggi terima kasih. Lebih besar dan bermakna dari itu, penghormatan ini turut melambangkan pengiktirafan yang di berikan oleh pihak pemaju memartabatkan nama seorang ulama, pendidik dan pejuang kemerdekaan di tanah air yang kita warisi ini. Semoga hasrat dan harapan Pengerusi MRCB untuk nama tersebut membawa barakah kepada usaha pembangunan ini dimakbulkan oleh Allah S.W.T.

4. Sebagai ahli parlimen kawasan Kepala Batas, bagi pihak rakyat dan penduduk di sini, saya merakamkan penghargaan kepada MRCB dan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang, yang telah memilih kawasan Bertam untuk dibangunkan sebagai pusat ilmu. Usaha ini di samping membawa pembangunan kepada kawasan parlimen Kepala Batas, turut saya anggap sebagai usaha meneruskan perjuangan dan gerakan yang telah pernah diusahakan oleh Allahyarham Syeikh Abdullah Fahim yang dalam hayat allahyarham menumpukan usaha dan tenaga untuk menyebarkan dan mengembangkan ilmu.

5. Islam adalah agama yang berteraskan ilmu. Qalam pertama yang di wahyukan kepada junjungan besar kita nabi Muhamad S.A.W melalui malaikat Jibrail a.s adalah qalam `iqra'. - qalam yang melambangkan tuntutan agama terhadap penerokaan ilmu dan pengetahuan. Al-Quran, mukjizat yang di tinggalkan oleh rasul S.A.W, adalah kitab yang mengandungi ilmu dan pengetahuan sebagai pedoman dan panduan ummah menghadapi hidup duniawi dan ukhrawi.

6. Penekanan terhadap ilmu dan pengetahuan begitu ketara di dalam al-Quran. Di antara firman Allah S.W.T yang terkandung di dalam al-Quran termaktub dalam surah al-Mujadalah, ayat 11 yang membawa maksud:

"Diangkat oleh Allah orang-orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa tingkat"

Dalam surah al-Ankabut ayat 43, Allah telah berfirman: -

"Contoh-contoh itu kami buat untuk manusia dan tidak ada yang mengerti kecuali orang-orang yang berilmu"

Junjungan besar kita, sepanjang hayat baginda mengembangkan ajaran Islam senantiasa memberikan penekanan terhadap ilmu, di antara hadith-hadith baginda: -

"Kelebihan orang berilmu atas orang `abid, adalah seperti kelebihan bulan malam purnama dari bintang- bintang yang lain"

"Bahawa ilmu pengetahuan itu menambahkan mulia orang yang mulia dan meninggikan seorang budak sampai ke tingkat raja-raja"

Namun perlu disedari bahawa Ibnu Mas'ud ra, pernah memperingatkan kita bahawa tidak ada seorang yang dilahirkan berilmu. Kerana ilmu itu adalah dengan belajar.

7. Taman pendidikan Abdullah Fahim yang akan dibangunkan ini, adalah satu usaha memenuhi tuntutan fardu kifayah untuk menyediakan prasarana pembelajaran. Ia menjadi sangat relevan dan bertepatan dengan tuntutan keperluan semasa. Usaha ini adalah satu usaha strategik yang dilaksanakan untuk memenuhi cabaran era pembangunan pada masa ini yang berteraskan ilmu.

8. Dunia kini menjadi semakin sedar di atas peranan dan kepentingan ilmu sebagai komponen utama di dalam usaha pembangunan. Komponen ilmu dan pengetahuan merupakan komponen utama dalam kegiatan ekonomi dunia semasa dan akan datang. Kegiatan ekonomi telah beralih dari ekonomi pengeluaran yang bergantung kepada tanah, buruh dan modal kepada ekonomi berteraskan pengetahuan yang bersandarkan kepada ilmu dan maklumat.

9. Tenaga kerja yang di perlukan adalah sumber manusia yang menguasai ilmu, pengetahuan, maklumat, kemahiran dan kepakaran. Keperluan ini menuntut kepada kelahiran lebih banyak tenaga terlatih dan berpengetahuan. Institusi pendidikan kini menjadi satu keperluan penting dan perlu diperbanyakkan. Institusi pendidikan bukan sahaja perlu ditambah dari segi kuantiti tetapi perlu pula menyediakan skim pengajaran berkualiti dengan menyediakan pengajaran dan latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

10. Sesebuah negara yang ingin mencapai taraf negara maju wajib melakukan pelaburan tinggi dalam membangunkan sumber manusia. Untuk memenuhi wawasan negara mencapai taraf negara maju, bilangan pelajar yang dapat disediakan peluang untuk mencapai taraf di peringkat pengajian tinggi harus melebihi 50 peratus daripada populasi struktur usia yang berkaitan, iaitu bagi mereka yang berada dalam lingkungan usia 18 - 25 tahun. Sementara itu bilangan pekerja di sektor perkhidmatan harus melebihi 50 peratus daripada jumlah tenaga kerja.

11. Adalah merupakan satu petanda yang sihat dan menggalakkan apabila sektor swasta di dalam negara kini menunjukkan minat dan kecenderungan bersama mengambil tanggung jawab sosial untuk membangunkan prasarana pendidikan. Usaha tersebut tentunya dapat membantu kerajaan dari segi meringankan tanggungan kewangan di samping dapat merencanakan lagi usaha pertumbuhan dan perkembangan ilmu di dalam negara.

12. Dalam pada itu, perlu pula diingatkan usaha murni di bidang pendidikan harus di pertahankan. Dasar liberal dan terbuka kerajaan menggalakkan pertumbuhan institusi pendidikan swasta hendaklah disambut oleh pengusaha pendidikan swasta dengan melaksanakan program pendidikan yang selaras dan sealiran dengan Falsafah Pendidikan Nasional. Saya faham bahawa sektor swasta perlu membuat penilaian dari aspek pelaburan dan kewangan, namun pertimbangan tersebut akan menjadi lebih mantap jika dapat diimbangkan dengan tanggung jawab sosial dan moral terhadap masyarakat.

13. Ibu bapa dan penuntut meletakkan harapan tinggi kepada peranan institusi pendidikan. Oleh itu kualiti pendidikan tidak boleh dikorbankan bagi mereka yang berkecimpung di dalam industri ini kerana terlalu dipengaruhi oleh faktor keuntungan kewangan. Kualiti pendidikan melalui kandungan pengajian, tenaga pengajar terlatih dan berkualiti, kemudahan dan peralatan hendaklah memenuhi keperluan minimum. Yuran pengajian yang berpatutan dan dalam lengkungan keupayaan keluarga dan pelajar hendaklah di pertimbangkan secara adil dan saksama. Sekiranya kemudahan pendidikan hanya dapat diperolehi oleh sekumpulan elitis di kalangan masyarakat yang berpendapatan tinggi semata-mata, maka kita masih gagal memenuhi falsafah dan hasrat murni pendidikan yang sejati dan tulen.

14. Dalam usaha membangunkan industri pendidikan, perlu ada jalinan persefahaman erat di antara wawasan kerajaan dengan matlamat pihak swasta. Usaha sektor swasta memajukan prasarana pendidikan hendaklah dihargai dan diberikan bantuan supaya kemudahan ini akan dapat dinikmati oleh masyarakat umum yang lebih ramai. Untuk itu saya ingin menyeru kepada pihak- pihak berkuasa kerajaan untuk menghulurkan bantuan dan sokongan demi memastikan usaha pembangunan pendidikan yang di teroka oleh pihak swasta akan terus dapat disemarakkan.

15. Di antara langkah-langkah strategik yang dapat di fikirkan ialah: -

(i) menimbangkan premium tanah pada kadar yang berbeza bagi tujuan pendidikan berbanding dengan premium bagi tanah-tanah industri dan perniagaan yang lain.

(ii) menimbangkan kadar bayaran pertukaran guna tanah (conversion rate) dengan kadar istimewa bagi kegunaan pendidikan.

(iii) mengenakan kadar cukai tanah dan bangunan yang berlainan bagi institusi pendidikan.

(iv) membantu mempercepatkan kelulusan pelan bangunan dan infrastruktur untuk tujuan pendidikan.

(v) membantu kelulusan segera penggunaan bangunan bagi tujuan pendidikan.

(vi) menimbang kadar cukai yang dapat menggalakkan pertumbuhan pendidikan dan ilmu.

16. Di samping itu, institusi pendidikan swasta pula hendaklah mencerminkan amalan yang menyokong pencapaian usaha penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan seperti yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru. Perselisihan kaum yang berlaku dalam tahun 1969, adalah akibat dari cetusan

keresahan kaum yang merasakan diri mereka tertinggal. Negara tidak mahu melihat peristiwa pahit itu berulang. Oleh itu segala usaha harus di ambil memastikan tidak berlaku dikotomi serta jurang di antara institusi pengajian awam dan swasta di dalam negara kita hingga boleh menjejaskan programimbangan sosial kerajaan.

17. Kebelakangan ini, tanda-tanda keresahan sedemikian telah mula disuarakan. Keresahan tersebut harus dibendung segera dan tidak boleh di biarkan merebak hingga boleh menjejaskan hubungan kaum. Saya berharap pengusaha-pengusaha institusi pengajian swasta peka terhadap perkembangan ini dan dapat segera menimbangkan dan melaksanakan pendekatan strategik untuk membantu usaha kerajaan menjayakan programimbangan sosial dan ekuiti di antara masyarakat berbilang kaum di negara kita melalui program-program pembangunan pendidikan.

18. Saya percaya pendekatan bijak lagi bestari oleh pengusaha-pengusaha institusi pengajian swasta akan dapat memberi kesan dan sumbangan yang lebih bermakna dalam usaha kita melahirkan warga Malaysia berilmu dan berkemahiran di negara kita. Jadikan institusi pengajian swasta dan awam sebagai tempat untuk memupuk jalinan kerjasama yang berkesan di antara kaum untuk kita dapat membina sebuah negara Malaysia yang aman, makmur, harmonis dan bertoleransi. Oleh itu adalah menjadi hasrat saya untuk melihat institusi pengajian swasta dapat berganding usaha dan tenaga, menjayakan dan memenuhi matlamat perimbangan ekuiti dan sosial yang merupakan teras utama ke arah perpaduan sejati lagi tulen di kalangan warga kita.

19. Bertam akan bertukar wajah. Dari kawasan pertanian yang dirimbuni oleh pohon-pohon kelapa sawit, insyAllah akan terbangun satu taman pendidikan moden. Saya amat menghargai usaha pemaju membawa pembangunan di kawasan ini. Pembangunan ini hendaklah di lihat oleh rakyat setempat sebagai satu kesempatan yang akan membuka peluang baru kepada mereka dari segi urusaniaga, kerjaya, apresiasi harta dan tanah di samping aktiviti-aktiviti hiliran lain yang akan membawa manfaat. Terokailah peluang dan kesempatan tersebut secara aktif untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi penduduk setempat.

20. Saya amat menghargai usaha pihak pemaju yang akan melakukan kajian kesan sosial ekoran dari pembangunan ini. Pendekatan tersebut menunjukkan pihak pemaju amat peka terhadap kesan sosial, politik dan ekonomi yang akan berlaku. Pendekatan seperti ini haruslah dijadikan contoh oleh pemaju-pemaju lain yang membangunkan pelbagai projek di negara kita. Ini melambangkan bahawa sektor swasta di negara kita telah sampai ke satu tahap kematangan yang memahami bahawa sesuatu usaha pembangunan itu harus dilihat dan dilaksanakan tanpa menimbulkan masalah sosial dan politik kepada masyarakat persekitaran. Saya mengucapkan tahniah kepada MRCB dan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang yang mempunyai falsafah urusaniaga yang begitu matang dan berpandangan jauh.

21. Saya berharap masyarakat setempat akan dapat menerima usaha pembangunan ini sebagai usaha kita bersama. Usaha pihak pemaju membawa pelaburan besar hendaklah dilihat sebagai pemangkin yang akan membawa pembangunan sosial dan ekonomi untuk faedah kita semua. Saya berdoa semoga usaha ini akan memberi manfaat kepada semua pihak. Semoga usaha ini mendapat barakah dan kejayaan serta rahmat dari Allah S.W.T.

Terima kasih.